

TARIKH	16 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	29	RUANGAN	Setempert

# Petugas Tabung Haji berlepas ke Makkah

>>Oleh **MOHD AZAM SHAH YAACOB**

mohdazam@metro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Seramai 88 petugas Tabung Haji berlepas ke Tanah Suci, semalam, bagi menguruskan persiapan awal penghantaran jemaah yang akan bermula esok.

Pengurus Besar Kanan (Haji) Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, mereka membitkan 34 petugas perutusan, 29 petugas kebajikan dan 25 wakil media. Kumpulan keempat itu akan ditempatkan di tiga lokasi operasi di Makkah, Madinah dan Jeddah.

Katanya, sehingga kini 200 petugas Tabung Haji berada di Tanah Suci, manakala selebihnya akan mengiringi kumpulan jemaah yang akan

berlepas ke sana.

"Jumlah keseluruhan petugas yang menguruskan urusan jemaah tahun ini seramai 800 orang, selebihnya akan mengiringi kumpulan jemaah haji secara berperingkat-peringkat sehingga penerbangan terakhir dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 17 Oktober depan," katanya dalam sidang media di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, di sini, semalam.

Menurut Syed Saleh, kumpulan pertama jemaah haji akan berlepas esok melalui di KLIA menggunakan penerbangan sewa khas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) dan Saudi Airlines membabitkan 350 jemaah yang akan disambut Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Syed Omar Mo-



**MESRA...** Syed Saleh memeluk seorang petugas haji yang berlepas ke Tanah Suci, semalam.

hamad Al-Saggaf.

Katanya, bakal jemaah diharapkan membuat persiapan

mental dan fizikal secukupnya, terutama daripada aspek kesihatan, berikutan keadaan

cuaca di Tanah Suci kini panas iaitu mencecah hingga 45° Celsius.